

04 DEC 1996

Mahathir-China

CHINA BUKAN SATU ANCAMAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A.Hulaimi

The Hague, 4 Dis (Bernama) -- China dilihat sebagai satu ancaman keselamatan oleh orang luar tetapi tidak oleh negara-negara di Asia Timur, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika menjawab satu soalan selepas menyampaikan ucapan dasar bertajuk "Bekerjasama ke arah satu Abad Dunia" pada satu sesi khas mengenai Malaysia di persidangan antarabangsa Global Panel ke-9 di sini Selasa, beliau berkata Malaysia "sangat selesa" dengan China, dan ini digambarkan dengan jumlah lawatan timbal balik dan pelaburan antara kedua-dua negara.

"Persoalan mengenai keselamatan di Asia Timur kerap kali dibangkitkan walaupun negara-negara di rantau ini berasa selamat. Ini adalah hasil tanggapan yang diwujudkan oleh orang lain," katanya sebagai menjawab satu soalan oleh seorang perwakilan dari Hong Kong.

Ketika mengulas lanjut, beliau berkata terdapat banyak persoalan mengenai keselamatan kerana ini adalah tanggapan yang diwujudkan oleh orang lain, bukan oleh negara-negara di Asia Timur yang tidak dibenarkan duduk bersama-sama untuk membincangkan isu-isu yang mempunyai kepentingan tanpa kehadiran "kuasa besar".

"Asia Timur bukan negara penakluk dan negara-negara di rantau ini berbincang sesama mereka dan sebab itulah Perundingan Ekonomi Asia Timur ditimbulkan. Tetapi kita tidak dibenarkan duduk bersama-sama, rakyat Asia Timur tidak boleh duduk bersama-sama melainkan dengan kehadiran kuasa besar untuk mendengar apa yang kita bincangkan," katanya.

Mengenai kedudukan Malaysia dengan China, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak takut dengan China. Kita mempunyai hubungan yang sangat baik dengan China. Kita sangat selesa, Malaysia sangat selesa. Kita tidak berpendapat kita akan berperang berhubung Spratly."

Dr Mahathir berkata beliau selalu ditanya mengenai ancaman China itu di semua negara yang dilawatnya oleh mereka yang berpendapat bahawa rantau ini tidak selamat "tanpa kehadiran Armada ke-7."

"Sejarah mengenai Asia Timur bukan satu sejarah mengenai penaklukan. China bukan sebuah negara penakluk," katanya.

Beliau memberitahu kira-kira 400 orang yang hadir pada persidangan itu bahawa ini bukan pendapat penduduk Asia Timur yang lebih berminat kepada pembangunan ekonomi.

Ketika menjawab satu soalan mengenai syarikat asing di Malaysia, Dr Mahathir berkata mereka tertarik dengan banyak benda di Malaysia, antaranya aktiviti politik dan kepastian.

"Kita mempunyai kestabilan politik untuk sekian lama. Kita tidak pernah mengubah sistem kerajaan atau dasar kerajaan. Pelabur berasa selamat jika mereka melabur di Malaysia. Mereka tidak akan melihat satu perubahan dasar yang akan memaksa mereka menarik balik pelaburan."

Terdahulu dalam ucapan dasarnya, Dr Mahathir merayu kepada negara-negara Timur dan Barat supaya mengambil satu dasar persahabatan dan bukan konfrontasi pada alaf baru yang beliau tidak jangkakan akan menjadi abad Asia walaupun negara-negara Asia sudah pasti mencapai kejayaan ekonomi pada abad berikut.

Beliau juga menggesa negara-negara Barat supaya menggugurkan tanggapan "Perjuangan" yang melihat Islam sebagai sebuah agama keganasan sedangkan sebahagian besar pembunuhan dan kemusnahan dilakukan oleh orang bukan Islam, dan senjata keganasan dibuat di Barat.

"Perjuangan masa depan haruslah menjadi perjuangan untuk memulih dan

membina semula," katanya.

Pada persidangan berita kemudian, Dr Mahathir ditanya oleh seorang wartawan Eropah berhubung dasarnya mengenai hak asasi di Myanmar.

Dr Mahathir menjawab bahawa persepsi Asia berbeza dengan persepsi orang Eropah.

Dasar penyertaan membina Malaysia dengan Myanmar kini menampakkan hasil kerana negara itu, yang sebelum ini menutup pintunya kepada dunia, telah membuka ekonominya dan yakin sistem pasaran bebas adalah sistem yang baik.

"Ini satu perubahan radikal," katanya.

Dr Mahathir memberitahu wartawan itu bahawa dia tidak boleh melihat Myanmar berubah dengan cepat untuk menjadi sebuah negara demokrasi sedangkan Eropah mengambil masa 200 tahun untuk berbuat demikian.

Persidangan Global Panel itu, yang dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Eropah (ERC) merupakan acara ketiga untuk hari ini bagi Dr Mahathir pada hari kedua lawatannya ke Belanda.

Terdahulu, pada sebelah pagi beliau melawat kilang Fokker Space BV dan stadium Arena Amsterdam di mana beliau menyaksikan majlis penandatanganan satu memorandum persefahaman antara sebuah syarikat Malaysia, Enerwise, dan sebuah syarikat kejuruteraan Belanda, Grabrowsky & Poort BV, pembina stadium itu, bagi projek tebus guna tanah di Mersing, Johor.

Pada sebelah tengah hari, Dr Mahathir dan rombongannya melawat Netherlands Organisation of Applied Scientific Research (TNO) sebelum menghadiri jamuan malam Global Panel di Dewan Bandaraya The Hague. --

BERNAMA

WAH AKD